



## **PLANMALAYSIA@PULAU PINANG**

(JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG)

---

### **KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berkelayakan yang bertaraf bumiputera / bukan bumiputera, berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** yang beralamat di Negeri Pulau Pinang dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

**No. Sebut Harga : KST/PMPP/22/06**

**Tajuk Sebut Harga : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN TONER / CARTRIDGE BAGI MESIN PENCETAK, MESIN FAKSIMILI DAN MESIN FRANKING PLANMALAYSIA@PULAU PINANG (JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG) BAGI TEMPOH 01 JANUARI 2023 SEHINGGA 31 DISEMBER 2024**

**Kod Bidang : 020601 – ALAT TULIS (TIDAK TERMASUK BORANG DAN SEMUA JENIS KERTAS)**

**Tarikh Buka : 12 JULAI 2022**

**Tarikh Tutup : 19 JULAI 2022**

2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan harga **Ringgit Malaysia Sepuluh Ringgit Sahaja (RM 10.00)** secara dalam talian dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) melalui laman web <http://ep.penang.gov.my> mulai **12 Julai 2022**.
3. Tawaran Sebut Harga hendaklah dibuat berdasarkan kepada spesifikasi bekalan/perkhidmatan di Lampiran A yang disertakan.
4. Tawaran Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri (*sealed*) serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen Sebut Harga tersebut hendaklah sampai sebelum atau pada **19 Julai 2022 jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti berikut :-

**PLANMalaysia@Pulau Pinang  
(Jabatan Perancang Bandar Dan Desa  
Negeri Pulau Pinang)  
Tingkat 57, KOMTAR  
10000 Pulau Pinang**

5. Tarikh tutup tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari pada tarikh 19 Julai 2022**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab Penyebut Harga.
7. PLANMalaysia@Pulau Pinang (Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang) tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. Jabatan berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Sebarang pertanyaan mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah disalurkan kepada PLANMalaysia@Pulau Pinang (Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang).
9. Sebarang pertanyaan mengenai Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP), hendaklah disalurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang.
10. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti Sebut Harga ditutup.